



# KAJIAN META-ANALISIS KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DI AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN

## PENDAHULUAN

Penyalahgunaan dadah memberi kesan negatif terhadap perkembangan modal insan dan pembangunan sosio-ekonomi negara. AADK sebagai agensi utama kerajaan yang bertanggungjawab merancang, melaksana dan menilai program membasmi gejala dadah telah memperuntukkan sejumlah dana bagi menjalankan kajian dalam bidang pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta perundangan dan penguatkuasaan. Bagi menilai keberkesanan program tersebut, kajian terhadap kajian yang telah dijalankan (*meta-analysis study*) perlu dilakukan bagi mengenalpasti kekuatan dan kekurangan di dalam kajian tersebut ke arah membina "*evidence-based programs*" pada masa hadapan.

## TUJUAN KAJIAN

Menjalankan kajian meta-analisis keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah di Agensi Antidadah Kebangsaan.

## OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengumpul kajian-kajian lepas di dalam pendidikan pencegahan dadah oleh AADK dan badan-badan lain di dalam bentuk tesis, artikel jurnal, laporan seminar, dan lain-lain.
- 2) Mengenalpasti kajian mengikut jenis (eksperimental, tinjauan, kuantitatif, kualitatif).
- 3) Menjalankan meta-analisis keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah.
- 4) Mengenalpasti kekuatan dan kekurangan kajian yg telah dijalankan.
- 5) Membuat laporan dan cadangan penambahbaikan kajian di masa hadapan kepada AADK.

## METOD KAJIAN

### Pemilihan Sampel Kajian:

Inclusion	Exclusion
- Keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah; Kesedaran, Pengetahuan & Kemahiran (NIDA, 2002)	- Program rawatan & pemulihan
- Pencegahan awalan	- Kajian pencegahan sekunder & tertiar
- Steting sekolah/universiti	- Steting selain sekolah/universiti
- Lokasi semenanjung Malaysia	- Lokasi kajian luar Malaysia
- Tahun 2015 ke bawah	- Tahun kajian 2016 ke atas
- Maklumat statistik deskriptif	
- Tesis, laporan & jurnal AADK	
- Eksperimental/tinjauan	

### Kaedah Carian:

- 1) Carian menggunakan komputer (internet)
- 2) Membuat rujukan bahan-bahan akademik
- 3) Carian secara langsung

### Lokasi Sumber Kajian:

Bil.	Lokasi	Tempat Carian
1.	Universiti Malaya (UM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
3.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
4.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
5.	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	Perpustakaan
6.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	Pusat Sumber
7.	Universiti Sains Malaysia (USM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
8.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
9.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Perpustakaan
10.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	Perpustakaan
11.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Perpustakaan & Pusat Penyelidikan
12.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Perpustakaan & ACREDA

### Bahan Kajian Terkumpul:

Secara keseluruhannya terdapat 24 buah kajian berkaitan program pendidikan pencegahan yang dikumpul, namun hanya sebanyak tiga buah kajian sahaja yang memenuhi syarat kriteria *inclusion* dan *exclusion* untuk dipilih bagi menjalankan prosedur statistik meta-analisis. Tiga buah kajian tersebut ialah:

- 1) M. Nasir, B., Ahmad, J. J., Muhamad, B. M., Norani, I., Samsiah, M. J., Aslina, A., Amelia, M. N., Faizura, R., & Mohd, N. I. (2013). *Remaja Berisiko Mengambil Dadah: Langkah Pengesanan dan Pencegahan Awal*. AADK & UPSI (Kod, 2012-0104-106-13).
- 2) Mohammad, A. S., Muzafar, S., Ahmad, J. J., Syed, S., & Muhammad, B. M. (2013). *Kesan Program Pencegahan Dadah Berasaskan Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran (PCP) ke atas Daya Tahan dan Kelangsaan dalam kalangan Belta Berisiko*. AADK (Kod, 2012-0105-106-13).
- 3) Nazariah, S. J., Nor, D. M. M., Azlin, A., & Mimi, I. M. I. (2013). *Kefahaman Kemahiran Keibubapaan dan Kesedaran Kesan Dadah kepada Kesihatan Sebelum dan Sesudah Peserta Menghadiri Program 'Family on Alert'*. Kajian AADK.

## DAPATAN KAJIAN


Bagi mencapai tujuan kajian, prosedur statistik meta-analisis dijalankan bagi melihat pertalian kajian-kajian yang dipilih berdasarkan kriteria *inclusion* dan *exclusion* yang telah ditetapkan untuk melihat kekuatan (*power*) kajian bagi melihat keberkesanan program-program pendidikan pencegahan dadah yang telah dijalankan. Pertama, menggunakan *effect size* berdasarkan formula Cohen dengan menggunakan program perisian komputer 'R' dibawah rutin 'metafor' (Del Re, 2015). Seterusnya Cohen *d* *correction* dibuat berdasarkan cadangan yang telah dikemukakan oleh Hedges = 'g' (Hedges & Olkin, 1985; Borenstein et al., 2009) untuk menukar 'd' Cohen kepada 'g' Hedges. Bagi mengira 'g', *correction factor J* perlu dikira terlebih dahulu. Oleh itu, indeks *power* yang digunakan adalah indeks 'g'. Indeks 'g' yang dinilai adalah berdasarkan kepada kajian individual. Berikut merupakan dapatan analisis yang dijalankan:

### Dapatan Preliminari


Status Kajian	Jenis dan Reka Bentuk Kajian	Frekuensi	Peratusan (%)
Diterima	Eksperimental	3	12.5
Ditolak	Eksperimental (tidak lengkap)	1	4.2
	Tinjauan	11	45.8
	Campuran	8	33.3
	Kualitatif	1	4.2

### Dapatan Meta-Analisis

Dapatan analisis menunjukkan nilai 'g' Hedges bagi keseluruhan kesan program pencegahan yang dinilai berada pada tahap sederhana (0.54) (namun nilai (0.54) tidak boleh digunakan kerana setiap kajian perlu bersifat independant). Ini menunjukkan keseluruhan program yang dijalankan tidak mencapai tahap keberkesanan yang tinggi. Namun begitu, dapatan analisis menunjukkan daripada ketiga-tiga kajian, kajian oleh M. Nasir dan rakan-rakan (2013) adalah memiliki kekuatan (*power*) yang paling tinggi dengan nilai 'g' keseluruhan sebanyak 1.26.



Bagi kajian yang memiliki *power* yang tinggi iaitu kajian M. Nasir dan rakan-rakan (2013), kesemua lapan kajian (*study*) di dalamnya berada pada tahap yang tinggi, di mana komponen Hadapi Cabaran (*study* 8) memiliki kekuatan (*power*) yang paling tinggi iaitu 1.83. Manakala komponen yang paling rendah ialah Optimistik (*Study* 6) yang memiliki nilai kekuatan (*power*) 0.85, namun masih berada pada tahap kekuatan (*power*) yang tinggi.



## PERBINCANGAN

Kajian yang menyeluruh dalam bidang ini menunjukkan bahawa penyelidikan dalam bidang pencegahan dadah masih kurang dijalankan di Malaysia. Kekurangan ini menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan jumlah dan mutu kajian program-program pendidikan pencegahan di negara ini. Berdasarkan kajian jenis kuantitatif yang berjaya dikumpul, menunjukkan bahawa hanya empat kajian sahaja yang menggunakan reka bentuk eksperimental, dan selebihnya adalah menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Ini menunjukkan kebanyakan kajian menumpukan kepada aspek 'What?' dan 'Why?', tetapi tidak banyak yang mengkaji tentang 'How?'. Oleh yang demikian adalah penting bagi melihat keberkesanan program pendidikan pencegahan dadah di Malaysia dalam konteks 'clinical trial study' untuk jangka masa panjang.

Dapatan statistik meta-analisis pula menunjukkan bahawa hanya sebuah kajian sahaja yang menunjukkan kesan program pendidikan pencegahan dadah yang tinggi. Program tersebut adalah menepati ciri-ciri program pendidikan pencegahan yang berkesan kerana memberikan penekanan kepada aspek meningkatkan pengetahuan, membina sikap positif dan memberikan kemahiran yang positif bagi menajuhai gejala dadah. Adalah dicadangkan supaya pihak AADK boleh menjadikan program ini untuk dilaksanakan secara meluas di sekolah dan masyarakat. Selain itu juga, pihak AADK perlu menyediakan dana yang secukupnya bagi menggalakkan para pengkaji dari pusat pengajian tinggi tempatan untuk meneruskan penyelidikan bagi membina "*evidence based programs*".

## RUJUKAN TEKNIKAL

- Borenstein, M., Hedges, L. V., Higgins, J. P. T., & Rothstein, H. R. (2009). *Introduction to Meta-Analysis*. John Wiley & Sons, Ltd.
- Del Re, A. C. (2015). A Practical Tutorial on Conducting Meta-Analysis in R. *The Quantitative Methods for Psychology*, 11(1). Doi: 10.20982/qmp.11.1.p037.
- Jain, V., Sharma, R., & Singh, S. (2012). Doing Meta-Analysis in Research: A Systematic Approach. *Indian Journal of Dermatology, Venereology, and Leprosy*, 78(3).

## DR. MOHD MUZAFAR SHAH MOHD RAZALI

JABATAN PSIKOLOGI & KAUNSELING  
FAKULTI PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
Tel: +6015-4811 7580  
Email: muzafar@fppm.upsi.edu.my

## AHLI PENYELIDIK:

DR. MD AZMAN SHAHADAN (UPSI)  
PROF. MADYA DR. MOHAMMAD AZIZ SHAH (UPSI)  
EN. CHE ANUAR CHE ABDULLAH (UPSI)  
DR. MOHAMAD ISA AMAT (USIM)  
EN. FARID JAPERI (AADK)  
EN. AZAD ATHAHIRI BIN ANUAR (PEMBANTU PENYELIDIK)

## COMMERCIALIZE - CONTACT:

KETUA PENGARAH, AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI, JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM, 43000 KAJANG, MALAYSIA  
Tel: +603-8911 2200, Faks: +603-8926 2055  
Web: <http://www.adk.gov.my>